

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-11
(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)
Kuliah Maghrib Abu Zulfiqar kali ke-95 di Surau An-Nur

TUGASAN KULIAH LALU :


1. Periksa ilmu fardhu 'ain sendiri.
2. Periksa ilmu fardhu 'ain anak-anak yang sudah baligh.
3. Suami isteri, saling memeriksa ilmu fardhu 'ain pasangan masing-masing.
4. Nilaikan diri kita dengan Sultan Muhammad Al-Fateh dan tenteranya. Cuba contohi mereka.

TAJUK : ILMU-ILMU YANG FARDHU KIFAYAH

Dan ilmu-ilmu itu dengan disangkutkan kepada fardhu yang sedang kita bicarakan (iaitu fardhu kifayah) ini, terbahagi kepada:

1. *Ilmu syariah*
2. *Bukan ilmu syariah*

ILMU2 YANG FARDHU KIFAYAH



ILMU SYARIAH ILMU BUKAN SYARIAH

Yang dimaksudkan dengan ilmu syariah ialah yang diperoleh dari nabi-nabi as. Dan tidak ditunjukkan oleh akal manusia kepadanya seumpama ilmu berhitung (ilmu hisab/matematik), atau percubaan (eksperimen) seumpama ilmu kedokteran, atau pendengaran seumpama bahasa.

Maka ilmu-ilmu yang bukan syariah terbahagi kepada:

- 1. Ilmu yang terpuji*
- 2. Ilmu yang tercela*
- 3. Ilmu yang dibolehkan (diharuskan)*

ILMU BUKAN SYARIAH

Terpuji Tercela Diharuskan

Ilmu yang terpuji ialah yang ada hubungannya dengan kepentingan urusan duniawi, seperti ilmu kedokteran dan ilmu berhitung (ilmu hisab/ matematik). Dan itu terbahagi kepada:

- 1. Fardhu kifayah*
- 2. Ilmu utama yang tidak fardhu*

Yang fardhu kifayah ialah setiap ilmu yang tidak dapat dikesampingkan dalam menegakkan urusan duniawi, seumpama ilmu kedokteran, kerana pentingnya dalam pemeliharaan tubuh manusia.

Dan seumpama ilmu berhitung (ilmu hisan/matematik) kerana pentingnya dalam masyarakat (akan) berjual beli, pembahagian harta wasiat, pusaka dan lain-lainnya.

Inilah ilmu-ilmu, jikalau kosonglah negeri daripada orang-orang yang menegakkannya, nescaya berdosa penduduk negeri itu. Tetapi apabila ada seorang sahaja yang bangun menegakkan ilmu itu, maka mencukupilah dan terlepaslah (orang Islam) yang lain dari kewajipan tersebut.

Bahkan juga pembekaman dan penjahitan (jahit-menjahit), kerana jikalau kosonglah negeri (sesuatu daerah) dari tukang bekam,

maka segeralah datang kebinasaan kepada mereka. Dan berdosalah mereka itu membawa dirinya kepada kebinasaan.

Adapun ilmu yang dihitung (sebagai ilmu) utama (tetapi) tidaklah fardhu – maka mendalami hal-hal yang halus bagi ilmu berhitung, ilmu kedokteran dan lain-lainnya, adalah termasuk (ilmu) yang tidak diperlukan begitu penting, tetapi berfaedah menambahkan kekuatan pada kadar yang diperlukan.

Adapun ilmu yang tercela iaitu ilmu sihir, mentera-mentera, ilmu tenung dan ilmu balik (silap) mata.

Adapun ilmu yang dibolehkan iaitu ilmu tentang pantun-pantun yang tidak cabul, berita-berita sejarah dan sebagainya.

Contoh ilmu terpuji – ilmu kedokteran, ilmu matematik.

Contoh ilmu yang tercela – ilmu sihir, mantera, ilmu tenung (tilik nasib) dan ilmu silap mata.

Contoh ilmu yang dibolehkan – pantun-pantun, kisah-kisah sejarah dan lain-lain.

Adapun ilmu syariah, dan itulah yang dimaksud menjelaskannya maka adalah terpuji semuanya. Tetapi kadang-kadang bercampur dengan apa yang disangkakan itu syariah. Padahal adalah itu tercela. Dari itu, (ilmu syariah) terbahagi kepada dua:

- 1. Yang terpuji*
- 2. Yang tercela*

ILMU SYARIAH


Yang Terpuji

Yang tercela

(Ilmu syariah) Yang terpuji mempunyai:

1. Pokok (dasar/usul/asas)
2. Cabang (furu')
3. Muqaddimah
4. Pelengkap

ILMU SYARIAH YANG TERPUJI




POKOK

Yang pertama, pokok. Iaitu empat:

1. Kitabullah 'Azza wa Jalla (Al-Quran)
2. Sunnah Rasul saw
3. Ijma' ummat (kesepakatan ulama)
4. Peninggalan-peninggalan sahabat (atsar)

Pokok



Dan ijma' itu (termasuk) pokok, dari segi bahwa dia menunjukkan kepada Sunnah. Maka adalah dia pokok pada derajat (darjah) ketiga.

Begitu pula peninggalan sahabat (atsar), maka dia juga pokok (kerana) menunjukkan pada sunnah, kerana para sahabat ra menyaksikan wahyu dan penurunann Al-Quran. Dan (mereka) mengetahui dengan petunjuk-petunjuk keadaan (akan) apa yang tidak diketahui oleh orang lain.

FURU' (CABANG)

Yang kedua, cabang (furu'), iaitu apa yang difahamkan dari pokok-pokok di atas tadi (iaitu Al-Quran, sunnah, ijma' dan atsar). Tidak menurut yang dikehendaki oleh kata-katanya, tetapi menurut pengertian yang dapat dicapai oleh akal fikiran. Dengan sebab itu maka faham menjadi luas, sehingga dari kata-kata yang diucapkan, dapat difahami (perkara) yang lain.

Seperti apa yang dapat difahami dari sabda Nabi saw:

"Hakim (qadhi) itu tidak menghakimi (menjatuhkan hukuman) ketika dia sedang marah." (Bukhari)

Bahawa dia (juga tentunya) tidak mengadili juga ketika mahu buang air, lapar atau merasa sakit.

Ilmu furu' itu terbahagi dua:

- 1. Pertama, menyangkut (berkaitan) dengan kepentingan duniawi. Dan termuat dalam kitab-kitab fiqh. Yang bertanggungjawab terhadapnya ialah para ulama fiqh. Dan mereka itu adalah ulama dunia.*
- 2. Kedua, menyangkut dengan kepentingan akhirat iaitu hal keadaan hati, budi pekerti terpuji dan tercela, hal ehwal yang direlai dan dibenci Allah (yakni ilmu tasawuf). Pengetahuan (tentang ilmu tasawuf) ini termuat pada bahagian penghabisan dari kitab ini, yakni dalam jumlah kitab Ihya' 'Ulumiddin.*

Ilmu furu

Utk kepentingan dunia

Utk kepentingan akhirat

MUQADDIMAH (ILMU PENGANTAR)

Yang ketiga : muqaddimah (ilmu pengantar), iaitu ilmu yang merupakan alat, seperti ilmu bahasa dan tatabahasa. Keduanya merupakan alat untuk mengetahui isi Kitabullah dan Sunnah Rasul saw.

Bahasa dan tatabahasa itu tidaklah termasuk ilmu syariah, tetapi harus dipelajari disebabkan agama. Kerana syariah (agama Islam) ini datangnya dengan bahasa Arab.

Dan semua agama tidak lahir selain dengan sesuatu bahasa. Maka jadilah mempelajari bahasa itu sebagai alat. Dan setengah dari alat ialah ilmu menulis tulisan. Tetapi tidaklah itu penting kerana Rasulullah saw sendiripun tidak tahu tulis baca (ummiy).

Kalaulah tergambar dapat dihafal semua yang didengar, maka menulis itu tidak perlu lagi. Tetapi pada ghalibnya, (orang ramai) lemah dari hafalan, maka menulis itu jadi penting.

PELENGKAP/ PENYEMPURNA

Yang keempat, penyempurna : iaitu mengenai ilmu Al-Quran. Dan terbahagi kepada yang berhubungan dengan kata-katanya seperti mempelajari qiraah (cara bacaan), dan bunyi hurufnya (makhraj). Dan yang berhubung dengan pengertiannya seperti tafsir kerana pengertian itu berpegang pula kepada naqal (keadaan sesuatu ayat itu seperti asbabun nuzul dan suasana sekeliling).

Adapun ilmu penyempurna pada hadith Nabi dan peninggalan sahabat (atsar), yaitu ilmu mengenai perawi-perawi hadith, namanya, keturunannya, nama-nama sahabat,, keperibadiannya dan ilmu mengenai adalah (kejujuran) perawi-perawi dan keadaan mereka dalam meriwayatkan hadith. (Semua ini perlu) supaya dapat membezakan antara hadith lemah dan hadith kuat. Dan mengetahui umur mereka supaya dapat membezakan antara hadith mursal dan hadith musnad. Dan juga mengetahui yang berhubungan dengan musnad itu.

Inilah ilmu-ilmu syariah dan semuanya itu terpuji, bahkan semuanya termasuk fardhu kifayah.

